

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 19 MAC 2023
AKHBAR : KOSMO AHAD
MUKA SURAT : 32

10 juta jam bekerja tanpa kemalangan

10 juta jam bekerja tanpa kemalangan

DUNGUN – Projek Laluan Rel Pantai Timur (ECRL) yang kini dalam fasa pembinaan rel sepanjang 665 kilometer berjaya mencapai 10 juta jam bekerja tanpa kemalangan (LTI).

Ketua Pegawai Eksekutif Malaysia Rail Link Sdn. Bhd. (MRL), Datuk Seri Darwis Abdul Razak berkata, pencapaian itu berjaya direkodkan pada akhir Februari lalu.

“Pencapaian 10 juta jam LTI ini sejajar dengan usaha kita mengutamakan keselamatan dan kesihatan tenaga kerja.

“Projek ini memiliki 17,000 tenaga kerja merangkumi kakitangan MRL, kontraktor iaitu China Communications Construction-ECRL Sdn. Bhd. (CCC-ECRL) dan sub kontraktor,” katanya.

Beliau berkata demikian pada Kempen Keselamatan dan Kesihatan ECRL di sesi syen 4 projek bersebut di sini semalam.

Katanya, pencapaian 10 juta jam LTI itu turut disumbang

oleh komitmen MRL mewujudkan tiga pusat latihan keselamatan dalaman di Kemaman serta Maran dan Bentong, Pahang.

Ujarnya, pusat latihan keselamatan itu dilengkapi teknologi realiti maya (VR) yang membolehkan simulasi hampir 100 situasi berpotensi berbahaya di tapak pembinaan dilaksanakan dengan lebih praktikal dan menjimatkan masa.

“Antara simulasi yang boleh dilakukan menggunakan teknologi itu ialah pemindahan dari terowong, kejutan elektrik, ujian asas topi keledar keselamatan dan penolakan penahan dinding.

“Setakat ini, lebih 1,000 kakitangan (ECRL) terlibat dalam simulasi dan latihan ketangkasan reaktif di pusat latihan keselamatan ini,” katanya.

Projek ECRL yang menghubungkan ibu negara dengan negeri-negeri di Pantai Timur dijangka siap sepenuhnya pada Disember 2026.